

PM: Jangan gadai

16 JUL 2002

ALOR SETAR 15 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan pengundi Melayu supaya tidak menggadaikan masa depan dan maruah mereka dengan mengundi Pas pada pilihan raya kecil kerusi Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit pada 18 Julai ini.

Tegas Perdana Menteri, penolakan terhadap Pas perlu kerana parti itu tidak mencerminkan perjuangan Islam sebenar selain mengajar orang Melayu jangan bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan.

Menurutnya, tindak tanduk Pas yang menyeleweng daripada landasan Islam termasuk bersikap ganas pada kempen pilihan raya membuatkan parti itu sukar diterima.

Lagi pun, kata beliau, perjuangan untuk memajukan orang Melayu masih banyak yang belum selesai.

Oleh itu, kata beliau, tersalah pilih termasuk mengundi parti yang tidak sesuai hanya menyebabkan negara dijajah semula.

“Pas nama sahaja Islam, saya tak kata ahli Pas tidak Islam tetapi parti itu tidak pernah mendukung Islam.

Sebenarnya banyak cabaran yang akan orang Melayu hadapi pada tahun-tahun mendatang ini. Kalau tak pandai (pilih) esok, kita akan dijajah sekali lagi.

“Sebab itu jangan undi Pas, ia tidak menguntungkan, baik di Pendang dan Anak Bukit undilah Barisan Nasional (BN),” katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Sumbangan Pendidikan dan Kebajikan Bernas 2002 di Sekolah Kebangsaan Sungai Baru di sini hari ini.

Selain itu, katanya, pengundi tidak harus mempercayai dakwaan Pas bahawa sesiapa yang mengundi parti itu akan masuk ke syurga dan bertemu dengan Presiden Pas, Allahyarham Datuk Fadzil Noor yang meninggal dunia pada 23 Jun lalu.

“Janganlah pilih parti yang suka memfitnah, berbo-



maruah, masa depan

hong dan menghina Tuhan, jangan lupa tolak bulat-bulat supaya ia (Pas) jatuh tersungkur,” katanya.

Beliau juga menyeru penyokong-penyokong Pas supaya kembali ke pangkal jalan dan tidak mengikut arahan pemimpin mereka yang ternyata melakukan perbuatan bertentangan dengan Islam.

Tegas Perdana Menteri, sikap Pas yang mengajar kanak-kanak membenci pemimpin kerajaan khususnya di taman didikan kanak-kanak juga amat mengecewakan.

Menurutnya, beliau percaya jika kanak-kanak diasuh sejak kecil lagi dengan disuruh mengoyak, meludah dan memijak gambar pemimpin negara, sikap sedemikian akan kekal hingga dewasa.

“Demikian juga sampai dia besar, dia akan membenci seseorang itu. Sebab itu yang anehnya orang yang kita tolong dengan diberi biasiswa hingga belajar ke luar negara bila balik ke negara ini maki kita.

“Dia maki kita kerana sejak dari kecil diajar membenci BN, kata saya Firaun dan Mahazalim,” katanya.

Tegas Perdana Menteri, kerana itulah beliau meminin-

ta Pas menjalankan kempen pilihan raya di Pendang dan Anak Bukit secara baik dengan menjaga perilaku dan etika.

“Setakat nak bertanding okeylah. Kita hormat calon yang ada kelulusan tinggi. Cuma dia kata calon kita ‘Cikgu Ya’ (Datuk Zakaria Said di Anak Bukit) bukan setaraf orang dia, orang dia tu terpelajar berkelulusan tinggi... tetapi yang hantar dia belajar ke luar negara tu siapa. Bukan Pas sebaliknya BN,” katanya.

Tegas Dr. Mahathir lagi: “Kita tak kata bila dapat biasiswa, dah masuk UMNO ke, tetapi kita nak dia berterima kasih dan bersyukur.”

Sementara itu, Perdana Menteri ketika ditemui berkata, BN berpeluang memenangi kerusi Pendang dan Anak Bukit jika kerja keras jentera pilihan raya BN dikekalkan sehingga Khamis ini.

“Saya ingat kita ada peluang untuk menang kalau jentera pilihan raya terus bekerja keras,” katanya.

Ditanya adakah kedatangannya ke Pendang dan Anak Bukit merupakan sebahagian daripada usaha kempen BN, Dr. Mahathir berkata, soal itu tidak timbul kerana beliau menghadiri majlis yang telah diatur sejak awal lagi.